



**8 Oktober 2012**  
**Isu 5**



## Ahli Parlimen Penyayang

Isnin, 1 Okt - YB Nurul Izzah hari ini telah bertemu penduduk Apartmen Mutiara di Jalan Klang Lama. Dalam program lebih sejam ini, pelbagai isu dan masalah yang dihadapi para penduduk telah disalurkan kepada YB Nurul Izzah, termasuklah isu-isu berkaitan trafik dan jenayah.

YB Nurul Izzah turut mengambil kesempatan untuk memberi 100 hamper, yang mengandungi barang keperluan harian serta bahan bacaan, termasuklah naskhah Kanta Lembah Pantai terkini.

## Bangkitkan Isu Warga Lembah Pantai

### Bantu YB Nurul Izzah

- Jadilah Polling Agent/Counting Agent for GE13
- Sumbanglah:  
'Ahli Parlimen Lembah Pantai'  
A/C: 5641 2834 5008  
Maybank - Bangsar Baru

### Program Akan Datang

- **14 Okt, 4ptg** - "Ke mana pergi wang rakyat?" forum Bajet 2013, Hailam Kopitiam, Lucky Garden
- **20 Okt, 10pg** - Program saringan mammogram percuma

### Ikuti YB Nurul Izzah di

 Facebook

 Twitter



Isnin, 1 Okt - Bajet DBKL 2013 telah dibentang hari ini. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak menerima sebarang dokumen berkaitan belanjawan DBKL, yang secara langsung menyukarkan kerja-kerja mereka untuk menyiapkan soalan-soalan dan pertanyaan sebelum pertemuan pada hari ini. Walau apa pun, YB Nurul Izzah telah menghadiri pertemuan tersebut dan membangkitkan persoalan tentang penggunaan dana DBKL, terutama demi mempertingkatkan mutu khidmat yang diberi kepada warga di Lembah Pantai.

Diharapkan di masa hadapan pihak DBKL akan menyediakan naskhah belanjawan tahunan lebih awal agar orang awam serta pihak-pihak yang berminat akan dapat membaca dokumen tersebut dengan lebih rapi, terutamanya sebelum proses perbincangan seperti yang dibuat hari ini diadakan.

---

## **Program Derma Darah**



Ahad, 7 Okt - Pejabat YB Nurul Izzah hari ini telah mengadakan satu program derma darah yang cukup berjaya di Perumahan Pantai Permai, Pantai Dalam. Dalam masa sejam pertama, lebih 8 orang telah menderma darah yang disalurkan ke bank darah Hospital Klang.



Program derma darah ini merupakan salah satu program di Karnival Kesihatan yang dianjurkan PAS Lembah Pantai dan JMB Pantai Permai. Lain-lain program kesihatan yang disediakan adalah seperti refleksologi, akupunktur, bekam, dan macam-macam lagi.

---

**Membahas Bajet 2013**



Khamis, 4 Okt - YB Nurul Izzah hari ini telah menamakan Bajet 2013 sebuah bajet yang mempunyai defisit fiskal dan defisit moral. Ucapan 30 minit beliau di Dewan Rakyat hari ini telah mengetengahkan pelbagai isu, yang banyaknya dialami warga Lembah Pantai, termasuklah:

- Bajet 2013 gagal memastikan masa depan anak muda
- anak muda tidak mampu memiliki rumah mereka sendiri - secara am, anak muda di Malaysia terpaksa membayar 15 kali gaji tahunan untuk membeli rumah; di kebanyakan negara lain, ianya hanya 5 kali gaji tahunan
- anak muda diminta "bertanggungjawab dalam membayar balik hutang", namun kroni politik tidak pula perlu membayar hutang mereka
- pemberian "gula-gula" seperti rebat RM200 untuk membeli telefon pintar dan BR1M 2.0 gagal apabila dibanding dengan cadangan Pakatan Rakyat yang secara sistematik akan menambah jumlah pendapatan boleh guna rakyat

[Untuk tonton video ucapan. klik sini.](#)

---

**Ziarah Pakcik Wil**



Sabtu, 6 Okt - YB Nurul Izzah telah menziarah beberapa orang penduduk Lembah Pantai yang sakit dan berada di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Salah seorang dari mereka ialah Che Ismail Mohamad, atau lebih dikenali sebagai Pakcik Wil, seorang penduduk Pantai Permai yang sedang pulih.

*Copyright © 2012 Ahli Parlimen Lembah Pantai, All rights reserved.*

MailChimp

[unsubscribe from this list](#) | [update subscription preferences](#)